

12/06/1999

Lapangan Terbang Subang teruskan operasi

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang akan terus beroperasi sehingga projek Lingkaran Rel Ekspres (ERL) siap dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Sik, berkata kerajaan hanya akan mengkaji semula kedudukan lapangan terbang itu, sama ada perlu ditutup atau sebaliknya, selepas ERL beroperasi.

Menurutnya, lapangan terbang itu masih dibuka kerana pertimbangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap masalah rakyat terutama mereka yang berurusan di sekitar Petaling Jaya dan Kuala Lumpur.

"Lapangan terbang itu sepatutnya telah lama ditutup setelah Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang dibuka. Bagaimanapun atas arahan Perdana Menteri, kita membuka semula operasi di Subang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Wisma MCA di sini.

Terminal tiga Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz sekarang digunakan oleh beberapa syarikat penerbangan dalam negeri seperti Mas, Pelangi Air, Air Asia dan Transmile.

Mengikut perancangan, lapangan terbang itu akan dijadikan pusat pameran antarabangsa, pusat sains angkasa lepas, pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan sekolah latihan penerbangan.

Dr Ling berkata projek ERL dari stesen keretapi Kuala Lumpur Sentral ke KLIA dijangka siap dalam tempoh tiga tahun lagi dan apabila ia memulakan operasinya, masalah pengangkutan dan tambang mahal ke KLIA yang kini menjadi rungutan penumpang akan dapat diselesaikan.

Stesen Kuala Lumpur Sentral, adalah satu-satunya pusat pengangkutan di Malaysia yang menggabungkan semua rangkaian keretapi utama dengan tambahan kemudahan lapangan terbang di samping menyediakan perkhidmatan ERL ke KLIA dan pusat pentadbiran baru di Putrajaya.

(END)